

29 NOV 1996

Limos

LOTUS ANTARA KENDERAAN DI PAMERAN LIMOS '96

LANGKAWI, 29 Nov (Bernama) -- Kereta kuning Lotus yang dipandu uji oleh Perdana Menteri di London bulan lepas adalah antara ratusan kereta dan motosikal yang dipamerkan di Pameran Motor Antarabangsa Langkawi 1996 (Limos '96) bermula esok.

Kereta itu pasti menjadi perhatian kerana Lotus Group International Ltd kini menjadi milik anak Melayu apabila Proton dan pemegang saham terbesar, Tan Sri Yahya Ahmad, membeli 80 peratus saham syarikat itu pada 30 Okt lepas.

Sementara itu segala persiapan Limos '96 berada pada kemuncaknya hari ini sebelum pameran itu dibuka pukul 11 pagi esok.

"Segalanya sudah sedia dengan jenama-jenama kereta terkenal di seluruh dunia sudah berada di pulau legenda Mahsuri ini," kata seorang petugas Pusat Media Limos '96.

Acara esok bagaimanapun khusus untuk ratusan wakil media tempatan dan antarabangsa yang membuat liputan pameran motor terbesar di rantau ini.

Esok, wakil-wakil media akan diberi taklimat mengenai Limos '96 oleh pengurus eksekutif Le Proton Exhibition Services Sdn Bhd, syarikat penganjur acara ini, Datuk Mohd Radzi Manan.

Mereka juga akan membawa kereta-kereta yang dipamirkan sebelum acara perasmian Ahad ini oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Adalah difahamkan 80 syarikat tempatan dan antarabangsa telah mengesahkan penyertaan masing-masing di Limos kali ini termasuk Amerika Syarikat, Jerman, Australia, Itali dan Britain.

Dijangka 100,000 pengunjung akan merebut peluang melihat kereta-kereta pada pameran itu yang berakhir 8 Dis ini.

Inilah kali kedua Limos diadakan di Langkawi, yang kini dibanjiri oleh peminat-peminat kereta seluruh dunia sehingga pengusaha hotel di sini terpaksa menolak pengunjung yang tidak membuat tempahan awal.

Limos '95 hanya menyaksikan pameran 130 kereta dan 50 motosikal berkuasa tinggi oleh 50 syarikat pengeluar. Kira-kira 70,000 orang mengunjungi pameran itu. -- BERNAMA

MT NAK